

11 OCT 1996

Musa-presiden

MUSA SIFATKAN PARTI SUDAH KUKUH BILA DUA JAWATAN PENTING DITANDINGI

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Kenyataan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa dua jawatan tertinggi parti itu dipertandingkan pada pemilihan 1999 membuktikan Umno kini dalam keadaan yang paling mantap, kata bekas Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Musa Hitam.

Beliau berkata: "memang dalam Umno tidak dicegah pertandingan bagi jawatan itu, tetapi apa yang diingatkan (oleh Dr Mahathir kepada anggota parti) ialah kalau pertandingan diadakan semua pihak dari semua lapisan perlu mengamalkan sikap yang bertanggungjawab."

Dalam dua tiga tahun lepas kedudukan Umno belum lagi kukuh, tetapi keadaan sekarang sudah berubah dan wajarlah dua jawatan penting itu dipertandingkan, katanya kepada BERNAMA ketika ditemui di sebuah hotel di sini malam ini.

Datuk Musa yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri mengenai perkara itu pada persidangan akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini petang ini.

Dr Mahathir juga berkata langkah parti melarang sesiapa bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan kali ini tidak akan dijadikan sesuatu yang rasmi dan kekal.

Musa berkata baginya ini bukan sesuatu yang baru dan ia merupakan langkah sementara dan menambah kata dengan berbuat demikian Umno kembali melaksanakan amalan asal.

Beliau berkata cadangan itu juga memberi keyakinan dan kepercayaan kepada Dr Mahathir agar pemimpin dari seluruh lapisan parti membuat keputusan yang bijak jika pertandingan diadakan nanti.

Katanya, "ini juga bukan bermakna tawaran kepada sesiapa untuk tandinginya atau timbalannya, tapi ini merupakan tawaran Dr Mahathir supaya anggota Umno sedar akan tanggungjawab mereka dalam erti kata demokrasi yang sebenarnya."

Beliau berkata yang penting anggota parti mesti memberi keutamaan kepada perpaduan parti.

Mengenai kebimbangan Umno akan berpecah semula jika diadakan pertandingan, Musa berkata kalau tidak ada bertanding pun, tidak boleh memberi jaminan bahawa Umno tidak boleh berpecah, jika mereka tidak bertanggungjawab, kerana anggota Umno kini berjumlah kira-kira 2.5 juta orang.

Katanya, yang penting mereka (anggota Umno) bertanggungjawab dan ingat kesan buruk akibat kemuncak perpecahan pada tahun 1987. -- BERNAMA

HT OBA